

NIOSH UPDATES

Issue 13, Volume 11, 2018

OSH SUSTAINABILITY APPROACH FOR CONSTRUCTION INDUSTRY

PUBLIC AWARENESS SEMINAR SERIES 2018

16 AUGUST 2018 : NIOSH BANDAR BARU BANGI



Penyakit asma berkaitan pekerjaan



OSH SUSTAINABILITY APPROACH FOR CONSTRUCTION INDUSTRY

PUBLIC AWARENESS SEMINAR SERIES 2018

16 AUGUST 2018 : NIOSH BANDAR BARU BANGI

The Occupational Safety and Health Act 1994 (OSHA 1994), which is based on the concept of self regulation places the responsibility to ensure Safety and Health of workers on those who create the risk. As such, it is important that both employer and employees undertake the responsibility to provide a safe and healthy workplace.

WHO SHOULD ATTEND

OSH Practitioners , Safety Professionals , Safety and Health Committee Members, Project Managers, Safety Trainers, Regulatory Personnel, Factory Managers & Supervisors, Academician, Industrial Hygienist, Engineers, ERT Members, Fire Fighting Squad and Members from Unions.

ONLINE Registration at <http://www.niosh.com.my>

For more information, please contact the secretariat :

Phone: 03-8911 3877/ 3885/ 3874 (Ms. Halimatulsaadiah/Mr. Mohd. Amir) F : 03-8926 9841

Email : seminar@niosh.com.my



Register Now!

Date	: 16 AUGUST 2018
Fee	: RM 100.00/person
Certificate	: Yes
Registration	: Online System / www.niosh.com.my
CEP	: CEP Point is based on CEP Guidelines by DOSH
Payment	: On-line payment system

OSH SUSTAINABILITY APPROACH FOR CONSTRUCTION INDUSTRY

PUBLIC AWARENESS SEMINAR SERIES 2018

16 AUGUST 2018 : NIOSH BANDAR BARU BANGI

NO.	SEMINAR : PROGRAMME AGENDA	TIME	TRAINER	DURATION
1	REGISTRATION	08:30 – 09:00		30 M
2	MANAGING OSH IN CONSTRUCTION ISSUES	09:00 – 10:00	DOSH	1 H
3	TEA BREAK	10:00 – 10:30		30 M
4	UPDATES ON LEGAL REQUIREMENTS ON OSH SERVICES IN MALAYSIA	10:30 – 11:30	DOSH	1 H
5	HIRARC IN CONSTRUCTION SITE	11:30-12:30	NIOSH	1 H
6	LUNCH BREAK	12 :30 – 14:00		1.5 H
7	EVALUATING HEALTH HAZARDS EFFECTIVELY	14:00 – 15:00	NIOSH	1 H
8	MANAGEMENT'S COMMITMENT TO EMPLOYEE	15:00 – 16:30	NIOSH	1.5 H
9	TEA BREAK / CERTIFICATE COLLECTION	16:30 -17:00		30 M



Penyakit asma berkaitan pekerjaan

RACUN Makhluk Perosak adalah bahan yang digunakan untuk memusnah dan mengawal serangga atau tumbuhan perosak. Contoh racun makhluk perosak ialah racun parakuat, organofosfat, organoklorin, glifosat dan karbamat. Racun makhluk perosak berguna untuk mengawal makhluk perosak dan meningkatkan penghasilan pertanian tetapi ia juga berbahaya kepada manusia.

Bagaimana keracunan boleh berlaku?

Seseorang boleh terdedah kepada keracunan racun makhluk perosak melalui tiga cara:

1. Tertelan makanan atau minuman yang dicemari racun makhluk perosak.
2. Sentuhan kulit dengan racun makhluk perosak.
3. Terhidu racun makhluk perosak.

Pekerja yang berisiko

Siapakah pekerja yang berisiko?

Contoh pekerja yang berisiko adalah peladang atau petani, pekerja ladang atau estet dan pekerja kilang racun makhluk perosak.

Gejala

Pendedahan kepada racun makhluk perosak boleh menyebabkan kecederaan kepada badan, antaranya seperti berikut adalah kesan sertamerta seperti sakit kepala, loya, berpeluh, kulit merengsa dan kematian dan kesan jangka masa panjang seperti tangan mengeletar, kelupaan, kurang daya ingatan, kurang daya tumpuan, kekuningan mata serta keletihan.

Penyakit asma berkaitan pekerjaan

Komplikasi

Apakah yang paling teruk boleh terjadi akibat keracunan ini?

- Kerosakan kekal fungsi ginjal (buah pinggang), hati, paru-paru dan saraf serta kemandulan.
- Kematian.

Rawatan

1. Rawatan kecemasan perlu diberi serta merta untuk menyelamatkan nyawa mangsa.
2. Bawa mangsa terlibat ke tempat yang selamat yang mempunyai pengudaraan yang baik seperti kawasan lapang
3. Tanggalkan pakaian yang tercemar
4. Jangan cuba memaksa pesakit untuk muntah.
5. Bersihkan bahagian tubuh atau anggota yang tercemar dengan racun makhluk perosak menggunakan air yang banyak selama 15-20 minit.
6. Hantarkan mangsa terlibat ke hospital dengan segera.
7. Jangan lupa, bawa bekas racun yang terlibat ke hospital bersama pesakit.



Penyakit asma berkaitan pekerjaan

Pencegahan keracunan racun makhluk perosak

Bagaimanakah saya boleh mencegah kejadian keracunan racun makhluk perosak?

1. Pastikan anda tahu jenis racun makhluk perosak yang digunakan.
2. Patuhi setiap arahan pengendalian racun makhluk perosak yang dibekalkan oleh pengeluar setiap masa.
3. Amalkan teknik pengendalian yang selamat.
4. Labelkan bekas racun makhluk perosak dengan betul.
5. Simpan racun makhluk perosak di tempat yang berkunci dan berasingan dari barang-barang lain.
6. Jangan pindahkan racun makhluk perosak ke dalam bekas lain; gunakan bekas yang asal sahaja.
7. Jangan gunakan semula bekas racun makhluk perosak yang telah kosong.
8. Lupuskan semua bekas racun makhluk perosak yang kosong dengan menanam dalam tanah yang sesuai atau hantar kepada pihak tertentu yang dilantik.
9. Gunakan alat pelindung diri yang sesuai dengan cara yang betul.



Penyakit asma berkaitan pekerjaan

Apakah amalan pengendalian yang selamat?

- ❖ Memakai pakaian dan peralatan pelindung diri yang sesuai.
- ❖ Sentiasa menggunakan sarung tangan semasa membancuh racun makhluk perosak.
- ❖ Jangan makan, minum atau merokok semasa mengendalikan racun.
- ❖ Semburan racun makhluk perosak mestilah menurut arah angin.
- ❖ Basuh bahagian badan yang terdedah dengan SEGERA dan mandi selepas setiap kali mengendalikan racun.

Apakah pakaian yang sesuai dan selamat semasa mengendalikan racun makhluk perosak?

1. Baju berlengan panjang dan seluar panjang.
2. Topi
3. Apron plastik
4. Kasut/but keselamatan
5. Sarung tangan getah
6. Topeng muka
7. Kacamata pelindung mata



Penyakit asma berkaitan pekerjaan

Notifikasi

Mengikut Peraturan 2004, Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Notifikasi Kemalangan, Kejadian Berbahaya, Keracunan dan Penyakit Pekerjaan), adalah menjadi tanggungjawab:

1. Majikan

Pengamal perubatan yang merawat Untuk notifikasi penyakit pekerjaan kepada Jabatan Keselamatan dan Kesihatan.

2. Alamat perhubungan

Untuk mendapat maklumat lanjut, sila hantar e-mel ke alamat ohhealth@dph.gov.my

Untuk mendapat maklumat lanjut mengenai keracunan, sila layari laman web Pusat Racun Negara.



BOOK REVIEW

Keys to Behavior Based Safety

E. Scott Geller (Author) (Author)

This book provides a collection of 28 writings from Scott Geller's regular column in "Industrial Safety and Hygiene News," from Geller's associates at Safety Performance Solutions, and from the American Society of Safety Engineers' annual conferences.

Organized into seven chapters, these writings examine real-world examples of successful behavior-based safety programs. Readers will discover tips on how to measure safety performance, how to get workers to care about safety, and how to better assess and coach safety performance using specific behavior-based tools. Readers will also find in-depth discussions on achieving a Total Safety Culture using such tools and techniques as actively caring, self-management, behavior-based observation and feedback, improved communication skills, measured safety performance, increased safety leadership, and maximized behavior-based safety efforts.

Product details

Hardcover: 434 pages

Publisher: Government Institutes (October 1, 2001)

Language: English

ISBN-10: 0865878889

ISBN-13: 978-0865878884

Product Dimensions: 6.3 x 1.3 x 8.9 inches

Shipping Weight: 1.7 pounds ([View shipping rates and policies](#))

Average Customer Review: [Be the first to review this item](#)

Amazon Best Sellers Rank: #3,361,029 in Books ([See Top 100 in Books](#))



#1243 in [Books](#) > [Politics & Social Sciences](#) > [Social Sciences](#) > [Reference](#)

#1448 in [Books](#) > [Engineering & Transportation](#) > [Engineering](#) > [Industrial, Manufacturing & Operational Systems](#) > [Health & Safety](#)

#1454 in [Books](#) > [Science & Math](#) > [Technology](#) > [Safety & Health](#)

Would you like to [tell us about a lower price?](#)

If you are a seller for this product, would you like to [suggest updates through seller support?](#)





Headline : Pesakit mental dijangka bertambah 10 tahun lagi
Publication : Berita Harian
Date : 16 Julai 2018
Page : 17

Pesakit mental dijangka bertambah 10 tahun lagi

Kuala Lumpur: Peningkatan pesakit mental dalam kalangan penduduk di negara ini dilihat membimbangkan dan dijangka bertambah sekali ganda dalam tempoh 10 tahun lagi.

Pengerusi Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH), Tan Sri Lee Lam Thye, berkata berdasarkan laporan daripada Profesor Bersekutu Psikiatri, Fakulti Perubatan, Universiti Malaya (UM), Dr Ng Chong Guan, seorang daripada tiga orang menghadapi masalah kesihatan mental dan angka ini semakin membimbangkan setiap tahun.

Katanya, isu kesihatan mental amat penting untuk ditangani ekoran pelbagai kes keganasan dan jenayah yang dilaporkan memabitkan mereka yang mengalami masalah mental.

"NIOSH akan bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan untuk membantu memperbaiki pelbagai aspek berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerja, terutama dalam industri kesihatan.

"Antara perkara yang akan diberi tumpuan adalah pengukuhan pelan pembangunan kesihatan mental, meningkatkan tahap perkhidmatan industri kesihatan dan

menjaga keselamatan premis kesihatan seperti klinik dan hospital," katanya kenyataan, semalam.

Pasukan khas pantau strategi
Lam Thye berkata, kerajaan juga perlu mencari jalan untuk membuang stigma masyarakat terhadap penyakit mental supaya pesakit boleh dikenal pasti dan diberi rawatan pada peringkat awal.

"Sebuah pasukan khas harus diwujudkan untuk melaksanakan dan memantau keseluruhan strategi dalam pelan pembangunan kesihatan mental dan menyelaras usaha bersepadu menangani isu



Lee Lam Thye

BM 17 16/7/18

yang berkaitan.

"Selain itu, peruntukan yang mencukupi perlu disediakan bagi menangani masalah mental termasuk melatih lebih ramai kaunselor, ahli psikiatri dan psikologi serta mempromosi kesihatan mental dalam kalangan masyarakat," katanya.

Katanya, tahap perkhidmatan kesihatan awam juga perlu dipertingkatkan dengan penggunaan lebih banyak peralatan moden dan sistem teknologi maklumat terkini bagi mempercepatkan proses diagnosis penyakit serta mengurangkan masa menunggu.

Headline : Lee: Niosh to assist ministry to boost workers' health
Publication : New Straits Times
Date : 16 July 2018
Page : 19

MEETING

Lee: Niosh to assist ministry to boost workers' health

KUALA LUMPUR: The National Institute of Occupational Safety and Health (NIOSH) is prepared to help the Health Ministry improve various aspects of workers' health, including those in the health industry.

Its chairman, Tan Sri Lee Lam Thye, said several matters were discussed in a meeting with Health Minister Dr Dzulkefly Ahmad recently.

He said this included strengthening the mental health development plan, improving healthcare services and ensuring health premises, such as clinics and hospitals, were safe.

"Dr Dzulkefly was highly receptive of the proposals presented to him during the meeting and he agreed to consider them thoroughly," Lee said yesterday.

Lee, who is a Mental Health Promotion Advisory Council member, said mental health issue must be addressed following cases of violence and crime involving those with mental disorders.

Citing Universiti Malaya consultant psychiatrist Professor Dr Ng Chong Guan, he said the increase in the number of mental patients among the popu-

lation would double in 10 years.

"Based on the ratio, one in three people faces mental health problems, and this figure is increasing."

He said the government must find ways to discard the public stigma associated with mental illness so that patients could be identified and treated at the early stage.



Tan Sri Lee Lam Thye

"A special team should be established to implement and monitor the strategies under the Mental Health Development Plan and coordinate efforts to help address the issue."

Lee said sufficient allocation should be provided to address mental problems, including training more counselors, psychiatrists and psychologists.

"Funding is also needed to promote good mental health in the community."

On public healthcare, he said it needed to be enhanced with the use of modern equipment and up-to-date information technology systems to speed up diagnosis and to reduce waiting time.

"While on safety aspect of health premises, especially hospitals and clinics, it should also be improved."

Newspaper Cutting

Headline : Lebih 20 maut kemalangan di tempat kerja
Publication : Kosmo
Date : 11 July 2018
Page : 19

Lebih 20 maut kemalangan di tempat kerja

JOHOR BAHRU - Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) Johor mencatatkan 26 kes kemalangan maut di tempat kerja dalam tempoh enam bulan pertama tahun ini.

Pengarahnya, Ir Saiful Azhar Mohd. Said berkata, daripada jumlah itu, 16 kematian berlaku di tapak pembinaan.

Katanya, ekoran itu, pemantauan dan pemeriksaan keselamatan di tempat kerja terutamanya melibatkan industri yang diistilahkan sebagai 3D iaitu berbahaya, kotor dan sukar akan terus dilakukan bagi menurunkan kadar kemalangan

terbabit termasuk pemeriksaan terhadap 60 tapak pembinaan seluruh negeri yang akan dilakukan pada 16 dan 17 Julai ini.

"Pemeriksaan ini tertumpu kepada projek-projek pembinaan bangunan tinggi kerana ia mempunyai risiko kematian tinggi," jelasnya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri Majlis Perasmian Program Minggu Bebas Kemalangan di Tempat Kerja 2018 Peringkat Negeri Johor sempena Minggu Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

Kebangsaan 2018 di tapak pembinaan Projek Elata Vita, Taman Setia Tropika di sini semalam.

Majlis itu disempurnakan oleh Pengerusi Jawatankuasa Kepenggunaan, Sumber Manusia dan Perpaduan Negeri Johor, Dr. S. Ramakrishnan.

Saiful Azhar berkata, setakat Jun lalu, JKKP Johor telah mengadakan sebanyak 20,703 pemeriksaan terhadap tempat kerja dan jentera di seluruh negeri dan berhasil mengeluarkan sebanyak 1,163 surat arahan, 1,199 notis dan 73 kompaun kepada pihak berkenaan. - Bernama

Headline : Safety first at construction site, firms urged
Publication : The Sun
Date : 11 July 2018
Page : 06

Safety first at construction site, firms urged

BY **LOW SOCK KEN**
newsdesk@thesundaily.com

THE SUN
6
11/7/18

JOHOR BARU: Sixteen workplace deaths occurred in the state's construction sector in the first six months of the year, said Consumerism, Human Resources and Unity Committee chairman Dr S. Ramakrishna.

He urged contractors to prioritise workplace safety and adhere to guidelines by the Department of Occupational Safety and Health (DOSH).

"It is better to have more preventive measures in place," he said during the launch of Workplace Accident-Free Week

at the Elata Vita construction site in Taman Setia Tropika yesterday.

He said about 140 employers are participating in the week-long campaign, adding that safety and health aspects at their workplace would be audited and a report submitted to the state DOSH.

Johor DOSH director Saiful Azhar Mohd said the department had inspected 20,703 workplaces, following which 1,163 order letters, 1,199 notices and 73 compounds for various offences were issued.

He added that 38 employers had been taken to court thus far this year.

On a recent construction site accident

at Jeram Batu in Pekan Nanas, he said his department is preparing an investigating paper.

Saiful Azhar said based on initial investigations, there were no standard operating procedures or safety facilities at the construction site.

In the incident on June 25, four workers fell off a roof beam while working at a height of 10.8m. The injured workers have been hospitalised.

The case will be investigated under Section 15 (1) of the Occupational Safety and Health Act 1994, that carries a fine of between RM20,000 and RM50,000, or a jail term of up to two years, or both.

Newspaper Cutting

Headline : JKPP rekod 711 kematian di tempat kerja
Publication : Berita Harian
Date : 10 Julai 2018
Page : 15

JKPP rekod 711 kematian di tempat kerja

Seremban: Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKPP) merekodkan 711 kematian di tempat kerja dengan 187 daripadanya berlaku di tapak pembinaan sepanjang tahun lalu.

Ketua Pengarahnya, Ir Omar Mat Piah, berkata kadar kematian di tapak pembinaan sangat membimbangkan dan ia tiga kali ganda berbanding kematian di lokasi lain.

Katanya, secara terperinci sejumlah 6,125 kemalangan berlaku di tapak pembinaan tahun lalu yang memerlukan perhatian, kawalan peraturan, akta dan tata amalan perindustrian.

"Setakat Jun lalu, JKPP sudah menjalankan 4,838 pemeriksaan di tapak pembinaan seluruh negara dan sejumlah 4,132 notis dikeluarkan.

"JKPP turut mengenal pasti 253 kesalahan dan kompaun sudah dikeluarkan," katanya selepas mengetuai Operasi Cegah Jatuh JKPP Bilangan 2/2018 di Projek Cadangan Pembangunan Pangsapuri Prima, di sini, semalam.

Yang hadir sama, Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Sumber Manusia, Perladangan dan Hal Ehwal Bukan Islam Negeri Sembilan, J Arul Kumar.

Sementara itu, Omar berkata, sebanyak 31 kes sudah didakwa di mahkamah atas pelbagai kesalahan dan pelanggaran perundangan.

"JKPP menyarankan semua pihak industri mengamalkan keselamatan yang baik di tempat kerja. Dua punca menyebabkan kematian adalah objek jatuh dan pekerja jatuh ketika mengendalikan jentera," katanya.



Setakat Jun lalu, JKPP sudah menjalankan 4,838 pemeriksaan di tapak pembinaan seluruh negara dan sejumlah 4,132 notis dikeluarkan"

Omar Mat Piah,
Ketua Pengarah JKPP

Wang Papper Cutting



Headline : Perkena penjara mandatori, sebat
Publication : Berita Harian
Date : 09 Julai 2018
Page : 17

EMPAT MATI DIREMPUH PEMANDU MABUK

Perkenal penjara mandatori, sebat

➔ Kaji semula undang-undang sedia ada untuk pemandu mabuk punca kematian pengguna lain

Oleh Mohd Azrone Sarabatin dan Norhafzan Jaafar
cnews@nstp.com.my

► Kuala Lumpur

Hukuman penjara mandatori perlu diperkenalkan di negara ini, untuk meng-hukum pemandu mabuk yang menyebabkan kematian kepada pengguna jalan raya lain.

Ahli Majlis Keselamatan Jalan

Raya, Tan Sri Lee Lam Thye, berkata menjadi keperluan untuk mengkaji semula undang-undang sedia ada memandangkan hukuman dikenakan pada masa ini, tidak membantu mengurangkan kejadian berpunca daripada pemandu yang berada di bawah pengaruh alkohol.

"Kita harus mengikut contoh Austria misalnya yang mengenakan hukuman penjara mandatori terhadap mereka yang didapati bersalah memandu dalam keadaan mabuk dan menyebabkan berlakunya kemalangan maut atau kematian pengguna jalan raya lain.

Pertingkat penguatkuasaan

"Selain itu, penguatkuasaan pihak berkuasa perlu dipertingkatkan termasuk pemeriksaan dan ujian pemapasan secara rambang di kawasan berhampiran pusat hiburan misalnya, untuk menentukan tahap pengambilan alkohol dalam



Lee Lam Thye

kalangan pemandu," katanya ketika dihubungi BH.

Beliau berkata demikian mengulas kejadian empat lelaki maut dan seorang lagi patah kaki kiri selepas dirempuh kereta dipandu wanita berusia 34 tahun yang dipercayai dalam keadaan mabuk di kawasan parkir Pusat Komersial BDC (1Arena) di Jalan Chong Thien Vun, Tawau awal pagi semalam.

Ketika ini Seksyen 44(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987 memper-untukkan hukuman penjara tidak kurang tiga tahun dan tidak lebih 10 tahun bagi kesalahan memandu dalam keadaan mabuk dan menyebabkan kematian atau kecederaan.

Pesalah juga boleh dikenakan denda tidak kurang RM8,000 dan tidak lebih daripada RM20,000 bagi kesalahan berkenaan.

Lam Thye yang juga Naib Pengerusi Kanan, Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (YPJM) berkata, kesalahan memandu dalam keadaan mabuk sehingga mengakibatkan kemalangan sesuatu yang cukup serius kerana boleh memberi kesan pahit bukan saja kepada mangsa, tetapi juga keluarga mereka.

Katanya, kejadian yang berlaku perlu dijadikan iktibar oleh semua terutama pihak berkuasa untuk meningkatkan penguatkuasaan dan pemeriksaan secara rambang bagi

mengelak pemandu mabuk.

Beri pengajaran

Sementara itu, Pensyarah Kanan Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia, Dr Khairunneezam Mohd Noor, berkata hukuman seperti sebat di khalayak ramai mampu memberi pengajaran kepada pemandu lain untuk lebih bertanggungjawab dalam pemanduan.

Katanya peruntukan undang-undang sedia ada atas kesalahan memandu dalam keadaan mabuk perlu dikaji semula bagi memberi 'kegerunan' kepada mereka yang culas dan cuai di jalan raya.

"Mungkin kita boleh ambil iktibar seperti dilakukan Emiriah Arab Bersatu (UAE) apabila mereka memperkenalkan hukuman sebat di khalayak ramai sebagai menghukum pemandu cuai, termasuk mereka yang memandu dalam keadaan mabuk," katanya.

Masyarakat
Berita

Headline : Dua tangki minyak mentah terbakar
Publication : Kosmo
Date : 06 Julai 2018
Page : 14

Dua tangki minyak mentah terbakar

Kosmo
14
6/7/18

KEMAMAN - Dua buah tangki yang menyimpan minyak mentah milik sebuah syarikat di kawasan perindustrian Teluk Kalong di sini terbakar semalam.

Kebakaran yang bermula pukul 6.15 petang itu menyebabkan sebahagian besar persekitaran kawasan kilang penapisan minyak mentah tersebut diselubungi asap tebal dan hitam.

Menurut sumber, sewaktu kejadian, kedua-dua tangki yang terbakar itu mengandungi 40,000 liter minyak mentah.

Beliau berkata, dua pasukan bomba dari Balai Bomba dan Penyelamat Chukai dan Kerteh dekat sini bertungkus-lumus untuk memadamkan kebakaran.

"Kerja-kerja pepadaman turut dibantu pasukan bomba sukarela terdiri daripada pekerja-pekerja kilang yang terdapat di kawasan perindus-



DUA buah tangki minyak mentah terbakar di Kawasan Perindustrian Teluk Kalong, Kemaman terbakar semalam.

trian Teluk Kalong," katanya kepada *Kosmo!* di sini semalam.

Sumber itu memberitahu, pasukan bomba bertugas sedang berdepan dengan cabaran tiupan angin kuat

yang menyebabkan api kebakaran menjadi marak.

Setakat pukul 9.30 malam tadi, kerja pepadaman api kebakaran di dua tangki minyak itu masih berjalan,

*Wangyapen
Daring*

Headline	: Village threatened by nearby refinery fire
Publication	: The Star
Date	: 07 July 2018
Page	: 08N



Fire and smoke: Water being sprayed onto burning tanks of fuel at the Kersaman Bitumen Company in the Teluk Kalong industrial area. — Bernama

Village threatened by nearby refinery fire

KEMAMAN: Evacuation plans are in place for a village with about 2,000 residents living close to burning tanks at a refinery should the air quality drop to dangerous levels.

Terengganu police chief Deputy Comm Daruk Aidi Ismail, however, assured that the air quality index at the site in Teluk Kalong was not at a risky level.

"We are tracking the air quality index every four hours, and will do so for about a week.

"We will also be getting advice from the state environment department and will execute evacuation

plans if necessary," he said when met at the scene.

DCP Aidi said villagers from nearby Kampung Bukit Kuang, Kampung Teluk Kalong and Kampung Rijal could be temporarily moved to evacuation centres if the air quality worsened.

The police have also warned the public to stay away from the operations area.

The fire at the refinery broke out at about 6.15pm on Thursday in one of the six tanks before spreading to an adjacent tank.

A minor fire also broke out at a third tank in the area but was

immediately controlled. A worker was injured in the blaze.

State Fire and Rescue Department director Azlanin Mat Noor said a task force would be set up to investigate the cause of the fire.

"Based on our SOP, the report should be ready in three weeks," he said, adding that consultants and designers of the oil refinery tanks would be called in.

A statement issued by the company, Kemaman Bitumen Company Sdn Bhd, said oil inside the affected tanks was being allowed to burn out and this was why flames were still seen at the site.

"It is not expected to pose any threat to nearby businesses and homes. A thorough investigation will be carried out once the situation is completely under control," the company said.

Menteri Besar Dr Ahmad Samsuri Mokhtar visited the scene and advised residents living in the adjacent areas to monitor their families' health and seek immediate treatment at health centres if they experienced breathing problems.

Over 140 fire and rescue personnel from Terengganu and Pahang worked to control the fire.

*Malaysian
Daily*

Headline : Mangsa kebakaran tangki minyak cedera muka, tangan
Publication : Berita Harian
Date : 07 Julai 2018
Page : 22

Mangsa kebakaran tangki minyak cedera muka, tangan

[FOTO GHAZALI KORU/BH]



Kebakaran di Kawasan Perindustrian Teluk Kalong, Kemaman, semalam.

Kuala Terengganu: "Hati bapa mana tidak sedih melihat keadaan anak terbaring dalam keadaan muka dan tangannya melecur," kata Mohd Ali, 72, bapa kepada Rosli Mohd, 42, yang melecur dalam kebakaran memabitkan tiga tangki minyak di Kawasan Perindustrian Teluk Kalong, Kemaman, semalam.

Rosli yang dirawat di Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ) dilaporkan stabil.

Mohd yang bekerja sebagai nelayan berkata, anaknya itu berada dalam keadaan sedar ketika beliau melawatnya di wad dengan keadaan tangannya berbalut, manakala mukanya yang cedera masih belum berbalut.

"Sedih tengok keadaan dia apatah lagi melihat muka dia yang kemerahan akibat kebakaran itu.

"Tidak dapat saya bayangkan macam mana dia berhadapan dan menanggung kesakitan ketika kejadian itu berlaku.

"Bagaimanapun, saya bersyukur



Mohd Ali

kerana keadaannya stabil dan harap Rosli segera sembuh.

"Saya harap dia dapat cari kerja lain apabila dia sihat kelak," katanya ketika ditemui di HSNZ di sini, semalam.

Katanya, beliau dimaklumkan anak kelima daripada 15 beradik itu cedera dalam kebakaran itu dan dihantar ke Hospital Kemaman, sebelum beberapa anak yang lain ke sana untuk melihat keadaan Rosli.

"Namun, Rosli dipindahkan ke HSNZ sebelum saya ke sini ber-

sama anak ketiga pada jam 10 pagi tadi.

"Saya tidak tahu Rosli bekerja di Kemaman sebab yang saya tahu dia bekerja dan tinggal bersama isteri dan empat anak berusia antara dua hingga 13 tahun di Paka, Dungun," katanya.

Hanya seorang mangsa

Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri, Penolong Pesuruhjaya, Azlimin Mat Noor, berkata hanya Rosli yang cedera dalam kejadian itu.

Ketika kejadian, mangsa seorang pekerja kontrak dipercayai sedang menjalankan kerja penyelenggaraan berhampiran kawasan tangki terbabit.

Katanya, dakwaan kononnya enam pekerja cedera dalam insiden kebakaran adalah palsu.

Sementara itu, Azlimin berkata, kerja memadam tangki pertama dan kedua berjaya dan kebakaran hanya tinggal beberapa peratus sahaja.

BH 22 7/7/18

Mangsa
Bertanggungjawab

Headline	: 48 jam padam api tangki minyak
Publication	: Kosmo
Date	: 07 Julai 2018
Page	: 12

Lebih 100 anggota bomba kawal kebakaran guna 14,000 liter buih

48 jam padam api tangki minyak

Oleh KAMARIAH KHALIDI dan EZZUAN AHMAD

KEMAMAN - Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Terengganu terpaksa menggunakan kira-kira 14,000 liter buih selain beribu-ribu liter air untuk kerja-kerja memadam kebakaran yang melibatkan tiga tangki minyak mentah di kilang memproses tar milik Kemaman Bitumen Company (KBC) Sdn. Bhd. di Telok Kalong di sini semalam.

Kerja-kerja pemedaman kebakaran yang bermula pukul 6.15 petang itu dijangka mengambil masa antara 24 hingga 48 jam.

Pengarah JBPM Terengganu, Azlimin Mat Noor (**gambar kecil**) berkata, operasi memadam api melibatkan lebih 100 pegawai dan anggota bomba dari Terengganu dan Pahang.

Katanya, kebakaran itu melibatkan tiga tangki berisi minyak mentah yang berkapasiti lebih 20,000 meter padu.

Difahamkan, minyak mentah itu mengandungi bitumen yang digunakan dalam pembuatan tar.

"Tangki pertama yang terbakar berkapasiti 4,800 meter padu sebelum ia merebak ke tangki kedua yang berkapasiti



OPERASI memadam kebakaran melibatkan tiga buah tangki minyak mentah milik syarikat KBC di kawasan perindustrian Telok Kalong, Kemaman dijangka mengambil masa antara 24 hingga 48 jam.



PASUKAN bomba terpaksa menggunakan 14,000 liter buih dan beribu-ribu liter air untuk mengawal kebakaran.

1,582 meter padu dan seterusnya ke tangki ketiga (13,679 meter padu).

"Dua daripada tangki berkenaan hangus 100 peratus dan kita sedang fokus untuk mengawal api kebakaran di tangki ketiga menggunakan tembakan buih bermula dari bawah tangki ke bahagian atas melalui saluran paip.

"Kita juga kawal sepenuhnya supaya api tidak merebak ke tangki ke empat dan kelima menerusi sistem penyejukan," katanya pada sidang akhbar di lokasi kejadian semalam.

Menurut Azlimin, kira-kira



Dua tangki minyak mentah terbakar

KERATAN Kosmo! semalam.

8,000 liter buih yang dibekalkan oleh pihak KBC digunakan dalam operasi pemedaman tersebut manakala 6,000 liter lagi disediakan oleh JBPM.

Buih biasanya digunakan bagi memadamkan kebakaran jenis minyak atau cecair.

"Sumber air yang digunakan bagi kerja-kerja pemedaman diperolehi daripada Syarikat Air Terengganu serta Pangkalan Bekalan Kemaman.

"Operasi pemedaman melibatkan seramai 78 pegawai dan anggota JBPM Terengganu dari 11 balai serta bantuan daripada 33 anggota JBPM Pahang," katanya.

Ketua Pegawai Eksekutif KBC, Sanjay Groover pula berkata, kebakaran itu tidak mendatangkan kemudaratan kepada keseluruhan kilang penapisan KBC atau mana-mana kawasan perumahan dan perniagaan yang ber-

hampiran.

"Pihak KBC akan melakukan penyiasatan penuh setelah situasi terkawal dan akan berkongsi penemuan penyiasatan kepada pihak berkuasa," jelasnya.

Beliau bagaimanapun tidak mengulas mengenai kesan kebakaran itu kepada bekalan tar syarikat.

Sementara itu, seorang pekerja syarikat kontraktor, Rosli Mohd., 42, melecur pada muka dan tangan kanan ekoran daripada kejadian itu.

Kosmo! semalam melaporkan dua buah tangki yang menyimpan minyak mentah milik KBC terbakar kira-kira pukul 6.15 petang.

Masyarakat Berdaya

Headline : Train workers in defensive driving skills
Publication : The Star
Date : 07 July 2018
Page : 30V

Train workers in defensive driving skills

STAR
30V
7/7/18

ALL employers should respond to the call made by the Human Resources Ministry to include a safe travel clause in workers' safety policy at the workplace.

At the same time, it is crucial for employers to organise more awareness campaigns and road safety programmes which include defensive driving and safe riding techniques with the help of instructors and experts (pic).

Focus should be given to motorcyclists and pillion riders since a joint study by the Social Security Organisation (Socso) and Universiti Teknologi Mara has shown that they make up 76.9% of the total commuting accidents.

Human Resources Minister M. Kulasegaran said that the government viewed the matter seriously as the financial and social impact of road accidents is very serious.

It was reported that in 2017, the estimated total expenditure for deaths, disabilities and injuries due to road accidents stood at between RM600mil and RM800mil.

Socso has also revealed that there were a total of 33,319 road accidents with 667 fatalities last year. The two deaths per day were due to road accidents.

It is crucial for employers to be more proactive and fully committed to help prevent commuting accidents. They should invest in the road safety of their employees who are an important asset in their organisation.



Employers should invite road safety experts to share their knowledge and demonstrate defensive driving and riding techniques that could help workers to avoid accidents.

They could also educate workers on the relevant laws and how to maintain their vehicles to keep them in road-worthy condition. Poor maintenance could lead to engine and mechanical problems

that could cause accidents.

This is important since 52% of accidents occurred when workers were travelling to their workplace, and more than 55% of the accidents occurred when the workers were within 5km of their destination.

Behavioural changes are also important since poor attitude among motorcyclists and motorists are the major cause of accidents in

Malaysia, according to studies conducted by Socso and Monash University.

Among the bad behaviours were driving above the speed limit, using mobile phones, not wearing the helmet in the correct way and driving in a reckless manner.

Interim statistics by Socso show that there was a 10% increase in the number of commuting accidents involving people travelling to and from the workplace in 2016 compared with 2015, with 31,314 cases of commuting accidents reported in 2016 compared with 28,579 cases in 2015.

In 2012, the number of commuting accidents was 26,256 while 27,659 cases were reported in 2013 and 28,037 in 2014.

It shows that the number of commuting accidents has increased 19% in the five years between 2012 and 2016.

To help reduce commuting accidents, the National Institute of Occupational Safety and Health (NIOSH) also conducts courses on safe motorcycle riding and defensive driving for workers every year.

In the past five years, about 5,000 workers have participated in the training programmes under a collaboration between NIOSH and Socso.

TAN SRI LEE LAM THYE
Chairman
NIOSH

Malaysian
Commuting

Headline : Majikan perlu masukkan klausa perjalanan selamat
Publication : Berita Harian
Date : 12 Julai 2018
Page : 11

DASAR KESELAMATAN PEKERJA

Majikan perlu masukkan klausa perjalanan selamat

Semua majikan harus menyahut saranan yang dibuat oleh Kementerian Tenaga Manusia untuk memasukkan klausa perjalanan selamat dalam dasar keselamatan pekerja di tempat kerja.

Pada masa sama, penting bagi majikan untuk menganjurkan lebih banyak kempen kesedaran dan program keselamatan jalan raya yang turut merangkumi teknik pemanduan berhemah dan menunggang secara selamat dengan bantuan tenaga pengajar serta pakar berkaitan.

Fokus harus diberikan kepada penunggang dan pembonceng motosikal kerana kajian bersama oleh Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dan Universiti Teknologi MARA menunjukkan golongan itu mewakili 76.9 peratus daripada mangsa kemalangan perjalanan berulang-alik ke tempat kerja.

Menteri Tenaga Manusia, M Kulasegaran dilaporkan berkata, pihak kerajaan melihat isu ini se-

Komentar



Tan Sri Lee Lam Thye

Pengerusi Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH)

cara serius kerana kesannya terhadap aspek kewangan dan sosial.

Pada 2017, jumlah perbelanjaan PERKESO bagi kemalangan perjalanan membabitkan kematian, hilang upaya dan kecederaan antara RM600 juta dan RMS00 juta.

Dua kematian sehari

Tahun yang sama juga menyaksikan 33,319 kes dilaporkan dengan 667 pekerja maut. Secara

purata, dua kematian berpunca daripada kemalangan perjalanan berlaku setiap hari.

Penting bagi majikan untuk menjadi lebih proaktif dan komited sepenuhnya bagi membantu mengelakkan kemalangan ulang-alik ke tempat kerja ini. Mereka perlu melabur untuk keselamatan pekerja yang menjadi aset penting dalam organisasi.

Majikan juga perlu menjemput pakar keselamatan jalan raya berkongsi pengetahuan dan menunjukkan teknik memandu serta menunggang secara berhemah yang boleh membantu mengelak pekerja terbahit dalam kemalangan.

Pekerja juga perlu dididik mengenai undang-undang berkaitan dan bagaimana menyelenggara kenderaan dengan baik agar tidak menimbulkan sebarang masalah di jalan raya. Kelemahan dalam aspek penyelenggaraan boleh menimbulkan masalah enjin dan mekanikal selain mungkin menyebabkan kemalangan.

Perkara ini amat penting kerana 52 peratus daripada kemalangan berlaku ketika pekerja berulang-alik ke tempat kerja dengan lebih daripada 55 peratus kemalangan berlaku ketika mereka dalam lingkungan lima kilometer dari tempat kerja.

Sikap faktor utama

Perubahan tingkah laku juga penting kerana kajian PERKESO dan Universiti Monash menunjukkan sikap penunggang motosikal dan pemandu kenderaan ialah faktor utama penyebab kemalangan.

Antara puncanya termasuk pemakaian topi keledar yang tidak betul, menunggang secara berbahaya seperti memotong di celah-celah kenderaan, memandu melebihi had laju dan menggunakan telefon bimbit semasa memandu atau menunggang kenderaan.

Semua pihak mesti memainkan peranan berkesan kerana statistik interim PERKESO menunjukkan terdapat kenaikan 10 peratus dalam bilangan kemalangan perja-

lanan berulang-alik ke tempat kerja pada 2016 berbanding 2015.

Trend ini amat membimbangkan kerana sebanyak 31,314 kemalangan dilaporkan pada 2016 berbanding 28,579 kes pada 2015.

Pada 2012, bilangan kemalangan berulang-alik ke tempat kerja sebanyak 26,256 kes sementara 27,659 kes dilaporkan pada 2013 manakala 28,037 kes pada 2014.

Ia menunjukkan bahawa bilangan kemalangan berulang-alik ke tempat kerja meningkat 19 peratus dalam tempoh lima tahun, iaitu antara 2012 dan 2016.

Bagi mengurangkan kemalangan perjalanan berulang-alik ke tempat kerja, Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) menjalankan Kursus Menunggang Motosikal Secara Selamat dan Pemanduan Berhemah untuk pekerja setiap tahun.

Dalam tempoh lima tahun lalu, kira-kira 5,000 pekerja menyertai program yang dilaksanakan dengan kerjasama di antara NIOSH dan PERKESO.

Manusya Berhemah

Headline	: Tak tahan diejek
Publication	: Harian Metro
Date	: 12 Julai 2018
Page	: 14

Tak tahan diejek

HW
11
12/7/18

■ Lelaki cekik, tikam kerani wanita hingga mati

Norrasyidah Arshad
norrasyidah@nstp.com.my

Banting

Akibat berang kerap disindir mempunyai hubungan sulit, seorang lelaki menikam dan mencekik kerani wanita sehingga mati di sebuah kolej kemahiran di sini, semalam.

Dalam kejadian jam 2 petang itu, mayat mangsa, Zaimah Mahmod, 57, ditemui di stor pejabat kolej berkenaan akibat ditikam dengan pisau oleh suspek berusia 28 tahun yang juga rakan sekernya.

Ketua Polis Daerah Kuala Langat, Superintendan Azizan Tukiman berkata, pihaknya bergegas ke lokasi kejadian selepas menerima panggilan daripada suspek yang mengaku baru membunuh mangsa.

"Ketika menghubungi polis pada jam 2.40 petang, lelaki itu (suspek) turut memberitahu sudah menikam



MANGSA ditemui mati di stor pejabat pentadbiran kolej berkenaan.

dan mencekik wanita berkenaan sehingga mati.

"Hanya suspek dan mang-

sa berada di tempat kejadian. Beberapa kesan tikaman turut ditemui di leher dan ba-

dan wanita itu, selain pisau yang digunakan suspek untuk membunuh," katanya.

Menurut beliau, siasatan awal mendapati suspek yang juga pembantu makmal kolej itu dipercayai berendam kerana sering disindir mangsa.

"Mangsa yang juga ibu tunggal dikatakan kerap menyindir suspek mempunyai hubungan sulit dengan seorang kakitangan di kolej berkenaan.

"Suspek yang baru tiga bulan bekerja juga menjalani rawatan kemurungan di hospital selain pernah melakukan cubaan membunuh diri," katanya memaklumkan suspek ditemui hanya duduk dalam keadaan tenang di samping mayat mangsa.

Kata Azizan, pihaknya bagaimanapun masih menjalankan siasatan lanjut mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan.

"Mayat mangsa dihantar ke Hospital Banting untuk bedah siasat manakala suspek ditahan bagi membantu siasatan," katanya.

Masyarakat Banting

Headline : Gejala cuaca panas
Publication :
Date : 13 Julai 2018
Page : 10

GEJALA CUACA PANAS

RUAM HABA

- Kulit menjadi kemerahan
- Sistem perpeluhan badan terganggu

KELESUAN HABA

- Kulit berpeluh
- Mata terbeliak
- Pening, mengalami kekeliruan atau rasa mual
- Bacaan nadi lemah
- Ritma pernafasan kencang
- Suhu badan normal atau bawah normal



STROK HABA

- Pening, rasa nak pitam, mengalami kekeliruan serta rasa loya
- Anak mata mengecil
- Kulit menjadi kering serta kemerahan
- Degupan jantung meningkat
- Suhu badan meningkat
- Pengsan
- Koma
- Kematian

KEJANG HABA

- Otot-otot mengalami kerencatan atau bahagian perut, tangan atau kaki sakit atau kejang



PENCEGAHAN



Minum tapan hingga 16 cawan air sehari

8-16



Awasi gejala diri akibat impak haba



Makan diet seimbang

Kurangkan pengambilan minuman kafein atau minuman ringan



Rehat secukupnya, sekurang-kurangnya enam jam bagi setiap 24 jam



Wangsa
Puting

Headline	: Prepared for emergencies
Publication	: The Star
Date	: 13 July 2018
Page	: 29V

Prepared for emergencies

STAR
29V
13/7/18

EFFORTS to implement various initiatives to reduce disaster risk in the country are a step in the right direction because we can no longer claim that we are free from all natural disasters.

Our experience with the tsunami in 2004 and the frequent occurrence of landslides, hill slope collapse/failure and sinkholes necessitate taking all appropriate measures to reduce the risk of disasters.

Although we do not have earthquakes or typhoons, we do have our fair share of natural disasters albeit on a smaller scale. As such, it is in our interest to enrich or enhance our efforts at minimising our disaster risk.

Deputy Prime Minister Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, in her statement at the Asian Ministerial Conference on Disaster Risk Reduction (AMCDRR) in Ulaanbaatar, Mongolia recently, pointed out that a scientific and technical panel has been put in place in Malaysia to work out scientific guidelines on disaster risk reduction.

She also said that Malaysia is ready to implement all the resolutions agreed under the Ulaanbaatar Declaration as well as the 2018-2020 Action Plan formulated during the AMCDRR, which could help Malaysia prevent disasters in the future and effectively tackle new challenges brought about by climate change.

We must always focus our attention on managing safety and health issues as well as to minimise or reduce disaster risk in the interest of public safety and people's well-being.

Global climate change and tectonic plate movements have also exposed Malaysia to new natural disasters such as the fatal earthquake on Mount Kinabalu in 2015. Mild tremors are now being felt



regularly in Ranau.

To work towards risk reduction, it is essential for more frequent safety audits to be done by the various authorities of our hill slopes, rivers, seafront and other risky areas especially those near human settlements and tourist attractions.

Equally important is for us to intensify checks on our natural environment to assess any potential risk that can cause disaster through the use of modern technology.

Needless to say, we must also have a strong maintenance culture on our infrastructure development.

We also need to improve and upgrade all our early warning systems in respect of tsunami or any other natural disasters from time to time.

There is also a need for Malaysians to be actively involved in safety drills like what is being done in Japan and South Korea so

that the people will be able to better cope with any disaster when it happens.

Our Special Malaysia Disaster Assistance and Rescue Team (SMART), the Fire and Rescue Services Department personnel and other relevant agencies involved in rescue operations should seize every opportunity to participate in disaster rescue training programmes and real operations abroad so that they can learn and acquire new experiences and skills.

Take as an example the just concluded massive multinational rescue operation in Tham Luang, Chiang Rai, Thailand which successfully rescued 12 boys and their football coach trapped in a flooded cave. It was indeed an astonishing rescue mission that captivated the whole world.

If we had participated in that rescue mission, we would have

gained valuable knowledge to benefit our rescue missions in the future.

In this connection, I wish to compliment our Fire and Rescue Services Department director-general Mohammad Hamdan Wahid who expressed the wish for his department personnel to hone their training skills in conducting rescue operations in caves since there are many such caves in Perak that attract tourists.

Malaysia should further enhance cooperation and strengthen networks with other countries as part of its efforts to reduce the occurrence of disasters, minimising the impact and mounting an effective search and rescue operation.

TAN SRI LEE LAM THYE
Chairman
National Institute of
Occupational Safety and Health

Malayphor
Editing

Headline : 31 pelajar keracunan makanan
Publication : Kosmo
Date : 13 Julai 2018
Page : 03

Dewan makan MRSM Taiping diarahkan tutup untuk siasatan

13/7/18

31 pelajar keracunan makanan

Oleh MUHAMAD TARMIZE MOHD. NOR

TAIPING – Seramai 31 pelajar Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Taiping di sini mengalami gejala keracunan makanan dan terpaksa mendapatkan rawatan di Klinik Kesihatan dan Hospital Taiping di sini semalam.

Difahamkan, kesemua mereka daripada pelajar Tingkatan 4 dan 5 itu mengalami gejala sakit perut, cirit-birit dan muntah selepas mereka memakan soto sebelum itu.

Timbalan Pengarah Jabatan Kesihatan Perak, Dr. K. B. Venugopalan berkata, seorang pelajar dimasukkan ke wad akibat keracunan makanan manakala selebihnya hanya dirawat sebagai pesakit luar.

"Semua mereka dirawat sebagai pesakit luar melainkan seorang pelajar yang ditahan di wad.

"Bagaimanapun, dia kini berada dalam keadaan stabil," katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan semalam.

Tambah Venugopalan, susulan itu pihaknya telah bertindak melakukan siasatan dan kawalan di dewan makan sekolah tersebut.

INFO Kes keracunan makanan di sekolah

12 Februari 2018 – Seramai 71 murid Sekolah Kebangsaan Tasek Apong di Sungai Petani, Kedah mengalami gejala keracunan makanan seperti muntah, cirit-birit dan sakit perut selepas disyaki memakan nasi lemak berlaukkan ayam.

9 Januari 2018 – Gara-gara makan spageti dengan daging cincang, seramai 23 pelajar Maktab Rendah Sains Mara Gerik, Perak terpaksa dihantar ke hospital akibat keracunan makanan.

20 November 2017 – Seramai 99 pelajar Kolej Vokasional Muar, Johor dipercayai keracunan makanan selepas menikmati makanan laut pada majlis akhir persekolahan kolej berkenaan.

"Dewan makan sekolah itu kini ditutup dalam tempoh satu atau dua hari agar siasatan lanjut dapat dilakukan," jelasnya.

Menurutnya, masih terlalu awal bagi pihaknya menjelaskan mengenai punca keracunan makanan kerana siasatan lanjut mengenai kejadian tersebut sedang dijalankan.

Difahamkan, sebahagian daripada pelaj



SERAMAI 31 pelajar MRSM Taiping dikejarkan ke Klinik Kesihatan dan Hospital Taiping selepas mengalami keracunan makanan semalam.

jar sekolah tersebut dibenarkan pulang ke rumah masing-masing.

Sementara itu, seorang pelajar Tingkatan 5 yang enggan mendedahkan identitinya mengakui juadah soto yang dinikmati

di dewan makan mungkin menjadi punca pelajar diserang simptom keracunan.

"Malam tadi (kelmarin) ramai yang dikejarkan ke Hospital Taiping untuk mendapatkan rawatan," katanya.

Masyarakat Taiping

Headline : 3 pelajar terdedah tumpahan merkuri
Publication : Kosmo
Date : 17 Julai 2018
Page : 14

3 pelajar terdedah tumpahan merkuri

GUA MUSANG - Tiga pelajar tingkatan empat Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tengku Indra Petra 1 di sini semalam terpaksa dikejarkan ke Hospital Gua Musang selepas terdedah kepada tumpahan merkuri.

Dalam kejadian kira-kira pukul 8.30 pagi, satu unit termometer di dalam sebuah makmal di sekolah berkenaan pecah ketika pelajar sedang menjalankan kajian.

Termometer tersebut dipercayai terjatuh di atas lantai sebelum pecah sehingga menyebabkan tumpahan merkuri.

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Gua Musang, Anuar Abas berkata, 10 anggota bersama dua jentera bergegas ke sekolah berkenaan selepas menerima panggilan pada pukul 8.36 pagi.

"Mangsa yang terlibat ialah tiga orang pelajar termasuk seorang pelajar perempuan. Mereka telah dihantar ke hospital untuk tujuan pemeriksaan dan didapati selamat



ANGGOTA bomba menjalankan kerja-kerja pembersihan tumpahan merkuri di sebuah makmal di SMK Tengku Indra Petra 1, Gua Musang semalam.

daripada bahaya bahan kimia itu," katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Anuar berkata, pihak bomba menggunakan serbuk sulfur bagi menyekat aliran merkuri itu.

"Sisa-sisa merkuri itu telah dibersihkan dan dimasukkan ke dalam beg plastik bagi memastikan tiada sisa yang tertinggal.

"Pelajar dan guru yang terlibat

tidak dibenarkan berada di sekitar makmal berkenaan sehingga kerja-kerja pembersihan terkawal. Operasi yang bermula pada 8.41 pagi itu berakhir kira-kira 40 minit kemudian," katanya.

Mereka yang terdedah secara serius kepada tumpahan merkuri boleh mengalami kerosakan otak dan hati jika dimakan, disentuh atau dihidu.